



Insiden alat turun – hampir berlaku - kegagalan untuk memeriksa kunci pada plat sisi.

Semasa satu kursus latihan IRATA, dua orang Tahap 1 berlatih operasi menyelamat sambar (buat kali ketiga) kira-kira tiga meter dari tanah, menggunakan satu set tali tunggal dengan alat turun Petzl Stop dan alat Petzl Shunt sebagai alat sokongan.

Apabila penyelamat diturunkan ke alat Stop mangsa untuk membawa berat mangsa ke alat Stop penyelamat, tali kerja tiba-tiba terputus dari alat Stop tersebut dengan bunyi yang kuat, menyebabkan kedua-dua Tahap 1 tergantung dari alat Shunt penyelamat. Alat Stop yang terbuka itu dapat menampung berat penyelamat setakat ini. Tahap 1 tersebut segera dipindahkan ke tanah dengan tiada kesan buruk selain daripada kesan lecet ringan pada tangan penyelamat. Bahagian sisi plat alat Stop kemek, maka alat Stop tersebut dibuang dan semua peralatan lain dikuarantin untuk pemeriksaan rapi.

Analisis insiden/ kaedah pengawalan / iktibar yang boleh diambil

Penyelamat memintal alat Stop dengan betul dan menguncinya dengan betul, tetapi **tidak memeriksa sama ada kunci spring hitam pada plat sisi ditutup dengan betul.**

Alat Shunt telah ditempatkan di kedudukan yang betul sepanjang latihan dan berfungsi sebagaimana yang dikehendaki. Tiada gelinciran atau kerosakan dapat dilihat pada alat Shunt tersebut.

Untuk mengelakkan jenis insiden ini daripada berlaku lagi, berikut adalah kaedah pengawalan tambahan yang dicadangkan:

- 1 Semua alat yang mempunyai kunci sebegini sepatutnya dibuat pemeriksaan visual dan bunyi untuk memastikan ia telah ditutup rapat. Ini sepatutnya menjadi sebahagian daripada pemeriksaan rakan/ jurulatih.
- 2 alam persekitaran latihan begini, adalah penting bahawa tahap penyeliaan yang mencukupi dikekalkan, terutamanya dalam situasi yang menggunakan mangsa hidup yang terdiri daripada calon yang tidak berpengalaman. Penyeliaan yang bersesuaian boleh mengelakkan insiden ini.
- 3 Disarankan supaya pemeriksaan operasi berikut dipiawaikan semasa latihan IRATA dan dijangkakan semasa penilaian dan penyeliaan dalam situasi kerja.

Pemeriksaan operasi piawai sebelum turun

(Di mana boleh, ini sepatutnya menjadi sebahagian daripada pemeriksaan rakan/ jurulatih dan digunakan dalam semua gabungan alat turun/ sokongan).

- 1 **'Pemeriksaan' peralatan 'sebelum digunakan':** visual/ sentuhan/ fungsian (rujuk arahan pengeluaran).
- 2 Jika di atas, pasang lanyard penambat (simpul) pada penambat semasa 'ujian fungsi'.
- 3 Pasang alat sokongan pada tali keselamatan dan kekalkannya di kedudukan tinggi tanpa manipulasi sehingga semua pemeriksaan yang diterangkan di bawah selesai.
 - (a) Periksa karabiner penyambung alat sokongan ditutup dengan betul;
 - (b) Periksa penyambung yang betul dan orientasi alat sokongan pada tali keselamatan (iaitu tidak terbalik), dengan menarik lanyard alat (simpul).

- 4 Pasang alat turun
 - (a) Karabiner alat turun ditutup dengan betul, dengan bukaannya menghadap pengguna & menghala ke bawah;
 - (b) Tali kerja dipintal ke dalam alat turun sebagaimana yang diilustrasikan pada alat turun;
 - (c) Kunci pada plat sisi alat turun telah ditutup sepenuhnya, jika ada. Jika tidak, periksa arahan pemasangan yang betul bagi alat tersebut pada abah-abah atau penambat.
- 5 **Ujian fungsi /ujian alat turun** (takik turun mini)

Akhirnya buka kunci alat turun dengan pegangan yang kemas pada tali kawalan dan lakukan operasi turun 150-200mm dengan alat sokongan di kedudukan tinggi, tanpa dimanipulasi sehingga sistem alat turun didapati berfungsi dengan baik.